

Pendidikan prasekolah titik kritikal bentuk perkembangan kanak-kanak

KPM fokus bentuk karakter murid yang berpengetahuan, berakhlak mulia dan sejahtera

Oleh Saadiah Ismail
Saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendidikan prasekolah disifatkan menjadi satu titik 'kritikal' dan tumpuan utama dalam membentuk asas perkembangan kanak-kanak, bukan saja dari sudut akademik, tetapi juga sahsiah dan karakter.

Ini kerana pada usia awal, minda kanak-kanak sangat mudah dibentuk, nilai-nilai murni lebih cepat diserap melalui aktiviti harian mereka, yang akhirnya personaliti mereka akan mula berkembang.

Menyadari kepentingan itu, Kementerian Pendidikan (KPM) menerusi Kurikulum Prasekolah 2026, memberi tumpuan kepada aspek pembentukan karakter sebagai fokus dalam membina insan yang bukan hanya berpengetahuan, tetapi juga berakhlak mulia dan sejahtera.

Prasekolah adalah fasa penting, iaitu waktu kanak-kanak mula memahami dunia di sekeliling mereka.

Pada tahap ini, nilai dan sikap seperti kasih sayang, daya tahan, keyakinan diri serta ketabahan perlu dipupuk sebagai asas penting dalam membentuk sahsiah dan perilaku mereka pada masa hadapan.

Pembentukan karakter itu perlu dilaksanakan secara berterusan sepanjang hari pembelajaran di sekolah merangkumi aktiviti rutin, sesi pengajaran dan pembelajaran, aktiviti berkumpulan

serta semasa bermain.

Melalui pelbagai pengalaman ini, mereka berpeluang mempelajari kemahiran sosial, mengenal potensi diri, bekerjasama dengan rakan sebaya dan mengurus emosi dengan lebih baik. Pada masa yang sama, mereka turut belajar menghormati orang lain dan membina jati diri yang positif.

Justeru, Kurikulum Prasekolah 2026 yang digubal berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi, memberi tumpuan kepada melatih murid untuk mengaplikasikan nilai dan sikap murni dalam kehidupan harian.

Antara nilai yang diberikan penekanan ialah kasih sayang dan empati, yang boleh dipupuk melalui aktiviti berkongsi, bekerjasama serta memahami perasaan rakan. Nilai daya tahan dan ketabahan pula dibentuk melalui cabaran pembelajaran yang berse-suaian, terutamanya ketika murid menyertai aktiviti permainan yang memerlukan usaha berterusan.

Selain itu, keyakinan diri turut diperkukuh menerusi aktiviti seperti persembahan, sesi bercerita serta penyelesaian masalah secara sendiri, yang memberi ruang kepada murid menonjolkan potensi diri.

Minat belajar secara aktif

Rasa ingin tahu dan minat belajar dirangsang melalui penerokaan, penyediaan dan pengalaman *hands-on* yang membolehkan mereka belajar secara aktif.

Nilai tanggungjawab dan amanah juga diterapkan sejak awal menerusi amalan harian, termasuk tugas kecil seperti menjadi petugas waktu rehat. Pendekatan ini bukan saja membantu murid memahami peranan masing-masing, malah mengembangkan sikap positif yang menjadi asas kepada pembentukan karakter pada masa hadapan.

Secara tidak langsung, nilai-nilai murni yang diterapkan secara berterusan dapat membentuk ka-



Peranan guru dan ibu bapa juga dilihat sama penting untuk menjadi pembimbing dan suri teladan kepada kanak-kanak.

rakter dan identiti seorang insan sejahtera.

Menurut KPM, pembentukan karakter murid itu tidak hanya diajar secara teori, tetapi diterapkan secara menyeluruh dan praktikal melalui pelbagai pendekatan harian.

Antaranya ialah rutin harian seperti mengucapkan terima kasih, meminta maaf dan saling tolong-menolong, manakala sifat bertanggungjawab pula dipupuk melalui tugas kecil yang diberikan kepada setiap murid.

Dalam aktiviti pembelajaran, penerapan nilai murni diserlah melalui sesi bercerita, bernyanyi dan main peranan yang membimbing murid membuat pertimbangan serta pilihan yang tepat.

Interaksi sosial bersama guru dan rakan sebaya turut memainkan peranan penting kerana mereka menjadi contoh dalam mengamalkan sikap positif. Melalui interaksi ini, murid belajar menyelesaikan konflik secara damai, memahami emosi diri dan membina kemahiran berkomunikasi.

Bukan setakat itu saja, aktiviti berkumpulan dan permainan pula menyediakan ruang untuk murid mempelajari cara bekerjasama, meningkatkan keyakinan diri dan mengenal potensi masing-masing.

Selain itu, pembabitn dalam aktiviti bersama keluarga dan komuniti setempat juga dapat membantu mengukuhkan nilai kebersamaan, empati dan rasa

tanggungjawab, sekali gus melengkapkan proses pembentukan karakter murid yang seimbang.

Peranan guru, ibu bapa

Memahami karakter murid itu perlu dibentuk, peranan guru dan ibu bapa juga dilihat sama penting untuk menjadi pembimbing dan suri teladan kepada murid berkenaan.

Melalui tutur kata, tindakan serta pendekatan pengajaran yang penuh kasih sayang, guru menanamkan nilai-nilai karakter secara semula jadi dalam setiap waktu pembelajaran di prasekolah.

Pada masa yang sama, ibu bapa digalakkan untuk terbabit secara aktif dan menyokong apa yang dipelajari anak di sekolah, bagi memastikan wujudnya kesinambungan serta pengukuhan amalan nilai antara rumah dan prasekolah.

Jelas KPM lagi, pembentukan karakter di prasekolah bukan sekadar satu komponen dalam kurikulum, sebaliknya menjadi jiwa kepada pendidikan awal kanak-kanak yang dilaksanakan secara holistik dan berterusan.

Justeru, menerusi Kurikulum Prasekolah 2026, pendekatan integratif ini memberi peluang kepada murid untuk membina sikap positif serta keupayaan menyesuaikan diri dalam menghadapi perubahan dan cabaran pada masa hadapan.

Harapannya, usaha ini dapat melahirkan generasi muda yang bukan hanya cemerlang dalam akademik, tetapi juga memiliki hati yang baik, minda yang teguh dan sikap positif, bersedia menempuh alam persekolahan seterusnya serta kehidupan sebagai insan yang sejahtera.



Pembentukan karakter murid itu tidak hanya diajar secara teori, tetapi diterapkan secara menyeluruh dan praktikal melalui pelbagai pendekatan harian.

